

Kampung perlu jadi saingan bandar: Najib

KUANTAN, Sabtu — Kampung-kampung tradisional hendaklah dijadikan saingan kepada bandar-bandar dan bukannya sisa kepada pembangunan di bandar-bandar, tegas Menteri Besar Pahang, Datuk Mohamed Najib bin Tun Abdul Razak, hari ini.

Katanya pencapaian hasrat itu boleh dihasilkan apabila taraf sosio-ekonomi dapat dipertingkatkan hingga setanding dengan taraf di bandar.

Dalam ucapan dasarnya di konvensyen ketiga UMNO Negeri Pahang di sini, beliau berkata untuk mencapai matlamat tersebut keutamaan yang sesuai dan mengutamakan petani-petani seharusnya dilakukan dulu.

Beliau berharap melalui projek pembangunan pertanian bersepadu halangan-halangan yang ada sekarang dapat diatasi dan petani-petani seterusnya akan dapat menerima perkhidmatan dari agensi-agensi secara teratur.

Seterusnya usaha-usaha penanaman getah, padi, koko, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman singkat masa dapat diselaraskan mengikut kehendak-kehendak pasaran dan tenaga buruh yang ada.

Nadi aktiviti

Dari segi pengurusan pula petani akan dapat menggunakan Pertubuhan Peladang kawasan sebagai nadi aktiviti dan pengurusan harian mereka.

Datuk Najib berkata, kawasan-kawasan kampung tradisional yang melibatkan kira-kira 65,000 keluarga tani dan kira-kira 4,000 orang nelayan tidak membangu secepat yang dijangkakan disebabkan tidak ada perancangan dan pengurusan secara teratur.

Katanya pelaksanaan projek pembangunan yang

berasingan oleh agensi-agensi kerajaan kadangkala lebih mengelirukan petani-petani dari membantu mereka.

Untuk menyelaraskannya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mengadakan beberapa strategi iaitu mewujudkan projek pembangunan pertanian bersepadu dan sistem perkembangan pertanian yang bersepadu.

Di negeri ini, katanya, dua buah rancangan pertanian bersepadu iaitu di kawasan Pahang Barat dan Endau-Rompin sedang dalam proses pelaksanaan.

Projek Pahang Barat akan melibatkan pembangunan bagi bidang tanah seluas 10,000 hektar kebun kecil getah dan ladang kelapa sawit yang akan dikendalikan oleh Felcra.

Penghasilan

Projek Endau-Rompin pula dijangka akan memberi manfaat kepada kira-kira 2,300 keluarga dan mengikut andalan Kementerian Pertanian para pendapatan kaum tani dalam rancangan itu dijangka dalam lingkungan \$600 hingga \$700 sebulan.

Di bawah sistem pembangunan pertanian bersepadu pula penyaluran teknologi dari agensi-agensi kepada petani-petani melalui satu asas yang sama akan diselaraskan.

Datuk Najib berkata untuk meningkatkan penghasilan dan pendapatan petani-petani, teknologi yang disalurkan kepada mereka seharusnya mengambil kira masalah berkaitan mereka seperti kekurangan tenaga buruh dan bidang tanah yang terlalu kecil.

Untuk mengatasi masalah tersebut penggunaan jentera dan pengusahaan secara kelompok harus diperluas, tambahnya. — Bernama.